



PEKA mengadakan bantahan pembalakan dan penerokaan Hutan Simpan Lentang, Bukit Tinggi dan Janda Baik, Bentong, Pahang, semalam.

Bantahan pembalakan di Lentang

BENTONG 15 Nov. - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) menyasarkan 1,000 tandatangan sebagai tanda bantahan terhadap sebarang aktiviti pembalakan di kawasan sekitar Lentang di sini.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, petisyen berkenaan membawa mesej jelas bahawa wujudnya aktiviti pem-

balakan di Lentang yang perlu dihentikan serta-merta.

"Saya tidak faham mengapa ada pihak yang menafikan wujudnya pembalakan di kawasan ini sedangkan kita dapat lihat sendiri memang aktiviti itu sedang berlaku.

"Lihat kesannya sekarang, banjir lumpur yang mengancam banyak nyawa," katanya dalam sidang akhbar

Petisyen Bantahan Pembalakan dan Penerokaan Hutan Simpan Lentang, Bukit Tinggi dan Janda Baik hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Peka Pahang, Khaidir Ahmad.

Terdahulu, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak di kilometer 52.5 terpaksa ditutup kepada pengguna akibat banjir lumpur sejak Selasa lalu dan hanya dibuka sepenuhnya pukul 1 petang ini.

Tambah Shariffa Sabrina, Peka menyasarkan 1,000 tandatangan di kumpul di dalam petisyen berkenaan yang akan dibawa ke beberapa lokasi selama tiga minggu bermula hari ini.

"Selepas mencapai sasaran, saya mewakili Peka akan menyerahkan petisyen berkenaan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob," katanya.